

12 SEP 2001

SC-TUTUP

PENUTUPAN PASARAN LANGKAH BERJAGA-JAGA, MERUAH MANTAP

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti (SC), yang mengawasi pasaran-pasaran saham negara, hari ini memberi jaminan kepada para pelabur bahawa penutupan bursa-bursa sekuriti dan niaga hadapan Malaysia adalah sementara dan adalah langkah berjaga-jaga terhadap reaksi berantai yang tidak dikehendaki yang timbul daripada keadaan di Amerika Syarikat.

Dua buah pesawat udara dilaporkan telah dirampas oleh pengganas melanggar World Trade Centre di New York dan sebuah lagi pesawat melanggar kompleks Jabatan Pertahanan di Pentagon, Washington Amerika Syarikat pagi semalam.

Memandangkan penutupan itu, SC juga memberi jaminan kepada para pelabur bahawa maruah sistem pasaran dan penjelasan Malaysia terus mantap.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa BSKL akan ditutup hari ini setelah beliau memutuskan untuk membatalkan perjalanan beliau ke London lewat malam tadi.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, beliau juga berkata beliau tidak pasti lama mana BSKL akan ditutup.

Di samping BSKL, Bursa Derivatif Malaysia dan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) turut ditutup hari ini.

Suruhanjaya Sekuriti berkata pelepasan, penjelasan dan pembayaran bagi dagangan-dagangan yang ditutup dan sampai masa untuk penghantaran/pembayaran akan diterima.

"SC akan terus memantau keadaan bersama-sama dengan Bursa-bursa dan terus memaklumkan kepada Perdana Menteri. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai perkembangan sewajarnya," tambahnya. -- BERNAMA

MAD SEL OS